

24 AUG 1999

PBTM-Kerajaan

300,000 ANGGOTA PBTM BERDIRI TEGUH DI BAWAH KERAJAAN

KOTA BAHARU, 24 Ogos (Bernama) -- Seramai 300,000 anggota Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) menyokong dan berdiri teguh di bawah kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presidennya Datuk Mohamad Ghani berkata sokongan yang tidak berbelah bahagi itu sebagai mengingati jasa kerajaan yang membantu semua golongan terutama bekas perajurit untuk menghadapi kehidupan selesa selepas bersara.

"Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk membantu bekas tentera terutama mewujudkan peluang pekerjaan, kebajikan dan perniagaan walaupun telah bersara," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Mohamad Ghani berkata langkah kerajaan mewujudkan dana bagi membantu bekas tentera dialu-alukan terutama ketika negara mengalami kegawatan ekonomi.

Baru-baru ini Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan mengadakan perbincangan untuk mewujudkan dana khas bagi membantu bekas perajurit.

Katanya, penyaluran peruntukan itu penting bagi 300,000 anggota PBTM di seluruh negara untuk menceburi bidang perniagaan, keusahawan dan pertanian serta membantu mereka yang tidak bernasib baik.

"Kita mahukan jasa dan pengorbanan tentera dihargai walaupun mereka telah bersara dalam tentera.

Beliau berkata, tanpa bantuan daripada kerajaan bekas tentera akan ketinggalan dalam arus pembangunan dan kemungkinan nasib mereka akan terpinggir.

Mohamad yang juga Yang Dipertua PBTM Kelantan berharap pemimpin kerajaan meluangkan masa menemui anggota PBTM untuk bertanyakan khabar kerana segelintir mereka hidup melarat tanpa pembelaan mana-mana pihak.

Katanya, pelbagai usaha dilakukan PBTM bagi memastikan kehidupan bekas perajurit terjamin termasuk menubuhkan Dewan Perniagaan Bekas Perajurit, wujudkan dana, Yayasan Pahlawan dan Amanah Saham Pahlawan.

Beliau meminta bekas perajurit yang belum mendaftar sebagai anggota PBTM supaya berbuat demikian agar dapat bersatu menjalankan aktiviti dan program dengan bantuan pihak kerajaan.

--BERNAMA

ANM RHM